

**FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG TERHADAP KESERiusAN
PONTENG AKTIVITI KOKURIKULUM DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN 4 DI SEBUAH SEKOLAH HARIAN
DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**



SUBARI BIN DWAR

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**FAKTOR PENYUMBANG TERHADAP
KESERiusAN PONTENG AKTIVITI
KOKUM DI KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN EMPAT DI SEBUAH
SEKOLAH HARIAN DI WILAYAH
PERSEKUTUAN
LABUAN**



SUBARI BIN DWAR

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG TERHADAP KESERiusAN PONTENG AKTIVITI KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SEBUAH SEKOLAH HARIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : SUBARI BIN DWAR

SESI PENGAJIAN : 2012/2014

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

/ TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh


SUBARI BIN DWAR

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(PROF. MADYA DR. TAN CHOON KEONG)

Alamat Tetap :

Tarikh : 30 JULAI 2014

Tarikh : 30 JULAI 2014

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

Julai 2014

Subari bin Dwar

MT1212029T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadiran Ilahi, atas limpah dan kurniaNya dapat saya menyelesaikan tugas dalam melaksanakan kajian ini. Dengan izinNya juga saya telah diberikan kekuatan dalam menyiapkan dan mengharungi segala rintangan yang dihadapi.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia disertasi saya Prof Madya Dr. Tan Choon Kheong yang banyak membimbing, memberi nasihat serta membantu dalam proses menjalankan kajian ini. Tanpa bimbingan dan dorongan dari beliau tentunya saya tidak mampu untuk menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga saya ucapkan ribuan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah - pensyarah UMS khasnya pensyarah kursus Sarjana Pendidikan yang telah banyak memberi pengetahuan dan bimbingan kepada saya di sepanjang tempoh pengajian sarjana ini. Jasa dan ilmu yang tuan-puan berikan tidak mampu saya balas dan saya akan memanfaatkan ilmu untuk kegunaan profesion saya, anak-anak didik dan menjalani kehidupan seharian.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak pengurusan UMS yang sentiasa membantu dan memudahkan urusan semasa melaksanakan kajian ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan khasnya pelajar MEM kumpulan 2 Labuan(2012-2014), yang banyak membantu, memberi motivasi serta sentiasa bersama-sama dalam susah mahupun senang sehingga ke akhir pengajian ini.

Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua orang tua saya, keluarga yang tidak jemu-jemu memberi restu dan mendoakan kejayaan saya. Begitu juga kepada isteri dan anak-anak tersayang, yang sentiasa berada di samping saya, memahami dan membantu usaha murni ini berserta pengorbanan yang mereka berikan.

Abstrak

Kokurikulum adalah suatu aktiviti yang dilaksanakan di luar bilik darjah sebagai wadah kearah mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Merupakan aktiviti diluar darjah yang melibatkan gerak kerja seperti Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan, Kelab Sukan dan Permainan. Semua aktiviti ini bersifat sebagai pelengkap dan pengukuhan kepada mata pelajaran yang diajar dalam kelas. Arahan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Warta Kerajaan bertarikh 28.12.1967 dan Akta Pendidikan 1996. Setiap pelajar mesti melibatkan diri setiap satu dari tiga komponen tersebut. Secara umumnya kajian ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang meyebabkan masalah ponteng aktiviti kokurikulum dikalangan pelajar tingkatan 4 disebuah sekolah harian di Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian ini dijalankan ke atas 130 orang pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah harian yang terbesar di Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian ini dijalankan secara deskriptif menggunakan borang soal selidik sebagai instrument. Dapatan kajian kemudiannya dianalisa melalui computer menggunakan perisian *Statistical Package For Social For Window Version 16.0* (SPSS 16.0) Ujian diskriptif dan ANOVA Sehalu digunakan dalam menghuraikan antara faktor latar belakang keluarga, faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor latar belakang keluarga merujuk kepada demografi responden secara umum seperti tahap pendidikan ibubapa, jumlah pendapatan bulanan dan bilangan adik beradik dalam keluarga. Faktor dalaman pula meliputi faktor diri sendiri dan faktor luaran meliputi persekitaran, faktor guru, rakan sebaya dan kurikulum kokurikulum itu sendiri. Semua faktor ini diukur untuk melihat perbezaan terhadap faktor-faktor penyebab masalah ponteng kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan diantara faktor pendidikan dan saiz keluarga dengan faktor luaran dan faktor dalaman. Ini membuktikan bahawa daripada faktor tahap pendidikan ibubapa dan saiz keluarga yang merujuk kepada bilangan anak menjadi faktor memberi kesan kepada faktor dalaman dan faktor luaran pelajar-pelajar di sekolah

abstract

Curriculum is an activity performed outside of the classroom as a means towards achieving the National Education Philosophy. An activity that involves motion degrees outside work as Team Uniform, Clubs and Associations, Sports and Games. All these activities are as completing and strengthening of the subjects taught in class. Instructions from the Ministry of Education through the Government Gazette dated 28.12.1967 and Education Act of 1996. Each student must engage each of the three components. Generally this study was to determine the factors that causes the problem skipping extra-curricular activities among the students of grades 4 act at a day school in the Federal Territory of Labuan. The study was conducted on 130 form four students in a day school largest Federal Territory of Labuan. Descriptive study was conducted using a questionnaire as instrument. The results are then analyzed by computer using the Statistical Package For Social Software For Window Version 16.0 (SPSS 16.0) and ANOVA descriptive test used in describing family background factors, internal factors and external factors. Family background factors refer to the general demographic such as educational status, monthly income and number of siblings in the family. The internal factors include the factor of self and external factors including environment, teachers, peers and co-curricular curriculum itself. All of these factors are measured to see the differences on the factors causing the problem skipping school curriculum. The results showed that the difference between education and family size factor by external factors and factors of factors internal. Ini prove that educational status and household size refers to the number of children to be a factor affecting the impact of internal and external factors of students in the school.

ISI KANDUNGAN


	Halaman
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRAC</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Soalan Kajian	6
1.5 Hipotesis Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	9
1.9 Kerangka Teoritikai	14
1.10 Kesimpulan	11

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	13
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 Pendekatan Tingkah laku	12
	2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura	15
	2.2.2 Teori Peranan Ibubapa oleh Khalim	15
	2.3 Pendekatan Humanistik	16
	2.3.1 Teori Esteem Kendiri oleh Carl Rogers	16
	2.3.2 Teori Kesempurnaan Kendiri Oleh Abraham Maslow	16
	2.4 Pendekatan Psikoanalitik	17
	2.5 Faktor-Faktor Penyebab ponteng aktiviti Kokurikulum	17
	2.5.1 Faktor latar belakang keluarga	18
	2.5.2 Faktor diri sendiri	19
	2.5.3 Faktor persekitaran	20
	2.5.4. Faktor Guru	21
	2.6 Kesimpulan	22
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	24
	3.1 Pengenalan	24
	3.2 pendekatan kajian	24
	3.3 Populasi dan Kaedah Persampelan	25
	3.4 Instrumen Kajian	27
	3.5 Kajian Rintis	29
	3.5.1 Kesahan Instrumen Kajian	30
	3.5.2 Keboleh Percayaan Instrumen Kajian	31
	3.6 Kaedah Analisis Data	33
	3.6.1 Rumusan Analisis Data	33
	3.7 Kesimpulan	34

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	35
4.1	Pendahuluan	35
4.2	Huraian tentang maklumat diri responden	35
4.2.1	Pendidikan tertinggi Ibubapa/penjaga	35
4.2.2	Pendapatan Ibubapa	36
4.2.3	Bilangan adik beradik dalam keluarga	37
4.3.	Dapatan Kajian	38
4.3.1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendidikan ibubapa dengan faktor dalaman ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	39
4.3.2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendidikan ibubapa dengan faktor luaran ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	40
4.3.3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendapatan keluarga dengan faktor dalaman ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	41
4.3.4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendapatan keluarga dengan faktor luaran ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	42
4.3.5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Saiz keluarga dengan faktor dalaman ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	43

4.3.6	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara saiz keluarga dengan faktor luaran ponteng kurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	46
4.5	Kesimpulan	50
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	53
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	54
5.3	Faktor latar belakang keluarga	55
5.3.1.	Faktor Pendidikan Ibubapa atau penjaga	56
5.3.2.	Faktor Pendapatan Ibubapa atau penjaga	57
5.3.3.	Bilangan adik beradik dalam keluarga	58
5.3.4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendidikan ibubapa dengan faktor dalaman ponteng kurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	61
5.3.5.	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendidikan ibubapa dengan faktor luaran ponteng kurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	63
5.3.6	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendapatan keluarga dengan faktor dalaman ponteng kurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	64
5.3.7.	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendapatan keluarga dengan faktor luaran ponteng	

kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	65
5.3.8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Saiz keluarga dengan faktor dalaman ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	66
5.3.9. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara saiz keluarga dengan faktor luaran ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan	68
5.4 Limitasi kajian	71
5.5. Sumbangan Kajian	73
5.6. Cadangan Penambahbaikan Kajian	74
BIBLIOGRAFI	76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

LAMPIRAN A: Borang Soal Selidik

LAMPIRAN B: Analisis Keputusan SPSS

LAMPIRAN C: Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
(EPRD), KPM

LAMPIRAN D: Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan
Labuan

SENARAI SINGKATAN

CGPA	Gred markah terkumpul
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KRS	Kadet Remaja Sekolah
PKBM	Pasukan Kadet Bersatu Malaysia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 4.2.1	Pendidikan tertinggi ibubapa atau penjaga	38
Jadual 4.2.2	Jumlah dan peratus taburan pendapatan ibubapa responden	39
Jadual 4.3.1	Perbezaan antara pendidikan ibubapa dan faktor dalaman	41
Jadual 4.3.2	Hubungan tahap pendidikan ibubapa dengan faktor luaran	42
Jadual 4.3.3	Perbezaan antara pendapatan dan faktor dalaman	44
Jadual 4.3.4	Perbezaan antara pendapatan dan faktor luaran	46
Jadual 4.3.5	Perbezaan antara saiz keluarga dan faktor dalaman	48
Jadual 4.3.6.	Perbezaan antara saiz keluarga dan faktor luaran	50

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1 Kerangka konsep

10



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0.Pengenalan

Semua pelajar yang melalui alam persekolahan akan didedahkan kepada aktiviti kokurikulum. Berbagai pengertian mengenai kokurikulum telah diberikan. Kokurikulum adalah suatu aktiviti yang dilaksanakan di luar bilik darjah sebagai wadah ke arah mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Merupakan aktiviti diluar darjah yang melibatkan gerak kerja seperti Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan, Kelab Sukan dan Permainan. Semua aktiviti ini bersifat sebagai pelengkap dan pengukuhan mata pelajaran yang diajar dalam kelas. Arahan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Warta Kerajaan bertarikh 28.12.1967 dan Akta Pendidikan 1996. Setiap pelajar mesti melibatkan diri setiap satu dari tiga komponen tersebut. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan Sekolah (kursus-kursus pengajian) 1965, Kegiatan kokurikulum disebut sebagai "kegiatan kumpulan" yang merangkumi aktiviti seperti kelab mata pelajaran, kegiatan kesusteraan, olahraga, permainan dan latihan.

Secara keseluruhannya merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (2009), terdapat 107 kegiatan kokurikulum yang tersenarai di sekolah yang merangkumi 19 jenis pasukan badan beruniform, 45 jenis kelab dan persatuan dan 43 jenis sukan dan permainan. Abdulah Halim (1999), Aktiviti kokurikulum lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan kepimpinan sosial dan sebagainya. Kebiasaan aktiviti kokurikulum dilaksanakan pada waktu petang dan hujung minggu dan terdapat beberapa jenis aktiviti kokurikulum yang bersifat terancang dan mempunyai kurikulum seperti Pegerakan Pengakap, Pandu Puteri dan Bulan Sabit Merah.

1.1. Latar Belakang Kajian

Kajian ini melihat sejauh mana serius ponteng aktiviti kokurikulum dalam kalangan murid tingkatan empat di sebuah sekolah harian di Wilayah Persekutuan Labuan. Setiap petang hari rabu bermula jam 2.00 hingga 5.30 petang semua pelajar tingkatan 1 hingga 6 akan menghadiri aktiviti kokurikulum di sekolah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Setiap pelajar diwajibkan menghadirkan diri setiap hari rabu selama 120 minit seminggu menurut Surat Pekeliling Bilangan 2, Tahun 2007. Setiap pelajar wajib melibatkan diri dalam satu aktiviti dari setiap unit Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan, Kelab Sukan dan Permainan. Setiap unit Pasukan Badan Beruniform mestilah mencapai 18 kali perjumpaan dan untuk Kelab dan Persatuan dan Kelab Sukan dan Permainan sebanyak 12 kali perjumpaan setahun. Setiap kali perjumpaan direkodkan untuk pemberian markah kehadiran 50%, penglibatan 30 % dan Pencapaian 20%. Seluruh markah selama 5 tahun akan dikumpul dalam Gred Markah Berkumpul (CGPA) dan dikira untuk pemberian markah 10% kemasukan ke Institut Pendidikan Tinggi Awam (PTA) dan Swasta (IPTS).

Menurut pemerhatian pengkaji, ada satu trend baru dikalangan pelajar sekolah menengah dan tingkatan 4 khususnya di wilayah ini sering ponteng untuk tidak mengikuti aktiviti kokurikulum. Setiap hari rabu pagi sewaktu sesi persekolahan pagi, setiap pelajar diwajibkan memakai pakaian Pasukan Beruniform yang telah mereka daftarkan diri diawal tahun seperti Pegerakan Pengakap, Kadet Remaja Sekolah (KRS), Pasukan Kadet Bersatu Luat, Darat atau Udara (PKBM) dan yang lain-lainnya, Pemakaian ini diteruskan hingga ke sesi petang untuk aktiviti kokurikulum namun didapati ada pelajar-pelajar ini masih berpelisiran di tempat tumpuan awam seperti pusat bandar. Malah ketidakhadiran ini juga dapat dilihat melalui rekod kehadiran

pelajar yang diambil pada setiap kali perjumpaan. Keadaan ini berlaku hampir kesemua sekolah harian dengan kadar sehingga 10-15% .

Beberapa kajian telah dibuat yang mengkaji masalah ponteng sekolah, ponteng kelas dan faktor-faktor yang menjadi penyebab masalah ini. Kajian juga dibuat mengaitkan tabiat ponteng dengan masalah disiplin dan salahlaku pelajar sehingga kepada perlakuan pelanggaran disiplin. Namun masih sangat sedikit kajian mengenai ponteng aktiviti kokurikulum. Kajian aktiviti kokurikulum di Institut Pendidikan Perguruan (IPG) dan universiti telah ada yang membuat kajian. Ponteng aktiviti kokurikulum masih juga dikategorikan sebagai salah satu ponteng sekolah yang sering berlaku disemua sekolah menengah dan rendah di negara ini.

1.2. Pernyataan Masalah.

Masalah ponteng aktiviti kokurikulum sama seperti ponteng sekolah. Ada beberapa jenis ponteng yang biasa dilakukan oleh murid-murid sekolah menengah. Bermula dari ponteng kelas mata pelajaran, ponteng sekolah, ponteng aktiviti kokurikulum dan ponteng kelas tambahan. Ponteng aktiviti kokurikulum dianggap berat kerana menghadiri aktiviti kokurikulum itu wajib mengikut warta pelajaran bertarikh 28 disember 1967 dan akta Pendidikan 1996. Keingkaran pengurus sekolah tidak melaksanakan aktiviti kokurikulum boleh didenda RM5,000.00 atau penjara atau kedua-dua sekali mengikut akta 550.

Terdapat kecenderungan pelajar- pelajar ponteng aktiviti kokurikulum pada setiap waktu perlaksanaan pada setiap hari rabu. Sebelum Kementerian Pelajaran mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas bilangan 8, tahun 2007 garis panduan pemakaian pakaian kokurikulum di hari persekolahan dan perhimpunan bulanan kokurikulum, hampir semua sekolah harian di Wilayah Persekutuan Labuan

melaksanakan aktiviti kokurikulum pada hari Sabtu. Namun susulan dari pengeluaran Surat pekeliling ini semua sekolah telah melaksanakan pada hari Rabu sebelah petang. Keadaan ini berlaku bertepatan dengan suasana pada hari Rabu semua pelajar memakai pakaian unit beruniform pada waktu persekolahan dan diteruskan ke waktu petang. Suasana ini nampak meriah dan seragam dan meletakkan sebagai Hari Rabu Hari Kokurikulum Sekolah (HRHK) .

Sebelum tahun 2007, seluruh pelajar di Wilayah ini menghadiri aktiviti kokurikulum pada hari Sabtu dan hari-hari lain yang ditetapkan sendiri oleh sekolah. Berdasarkan pemerhatian pegawai di Jabatan Pendidikan WP Labuan pada waktu itu terdapat sekolah yang tidak melaksanakan aktiviti kokurikulum pada hari Sabtu disebabkan gangguan dan pertindihan dengan aktiviti sekolah yang lain seperti mesyuarat PIBG, gotong-royong, latihan sukan sekolah, kelas tambahan dan lain-lain lagi. Walaupun jadual perjumpaan telah diatur sebegitu kemas dan teratur, namun dari aspek pelaksanaan tidak dipatuhi. Susulan dari itu, pihak Jabatan Pendidikan WP Labuan telah memutuskan dan menetapkan bahawa aktiviti dan perjumpaan kokurikulum mesti diadakan pada hari Rabu bermula jam 2.00 petang dan dikenali sebagai Hari Rabu Hari Kokurikulum (HRHK). Pada hari ini semua sekolah dan pihak Jabatan Pendidikan sendiri tidak dibenarkan mengadakan sebarang aktiviti lain untuk pelajar dan guru termasuk mesyuarat.

Walaupun begitu, mengikut pemerhatian pengkaji dan rekod kehadiran di sekolah masih terdapat sebilangan murid yang tidak menghadiri aktiviti ini. Menurut rekod Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 2007 seramai 21,060 (0.39%) murid terlibat dalam masalah ponteng, manakala pada tahun sebelumnya seramai 24,840 (0.46%). Manakala menurut laporan Disiplin pelajar Sekolah Malaysia (1991), ponteng sekolah merupakan salah satu antara Sembilan jenis tingkahlaku pelanggaran disiplin.

Aziziah Lebai Nordin (2002) menunjukkan banyak faktor penyumbang kepada masalah disiplin pelajar antaranya ialah ibubapa, sekolah dan rakan sebaya. Begitu juga apabila pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran dan guru pula tidak berusaha menarik minat mereka, pelajar-pelajar ini akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah (Azizi Yahya, Sharin hashim, Yusof Boon, How Lee Chan , 2007). Sah Sani Salleh (1994) menyatakan tingkahlaku devian dan anti sosial seperti ponteng sekolah turut dikaitkan dengan tingkahlaku dan struktur keluarga itu sendiri. Smink dan Reimer (2005), isi mata pelajaran yang tidak berkaitan atau kurang rangsangan, kerja sekolah yang kurang mencabar dan hubungan yang rapuh antara guru dan pelajar merupakan faktor yang berkait rapat dengan jumlah kehadiran. Menurut Olweus (1978), guru yang memalukan pelajar, menyindir dan mengejek adalah faktor utama pelajar ponteng. Kesan daripada perbuatan ini pelajar kurang keyakinan diri dan hilang rasa hormat kepada guru mereka. Pilot et.al (2001), dalam kajiannya mendapati bahawa kesan kekecewaan pelajar terhadap pelajaran telah mengakibatkan mereka benci terhadap guru dan program sekolah. Pelajar ini akan mencari jalan keluar dengan melakukan ponteng. Merton (1938), Pembelajaran yang berkesan datangnya dari suasana sekolah yang tenteram, kerana ketenteraman itu amat kritikal bagi melahirkan pencapaian yang baik dikalangan pelajar.

1.3. Objektif kajian.

Secara amnya kajian ini mempunyai beberapa objektif kajian utama iaitu;

1. Mengenalpasti tahap keseriusan ponteng kokurikulum pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP.Labuan.
2. Mengenalpasti perbezaan antara status sosio ekonomi dengan keseriusan ponteng kokurikulum pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP.Labuan.
 - a. Taraf pendidikan ibubapa/penjaga
 - b. Taraf pendapatan ibubapa/penjaga

c. Saiz keluarga

3. Melihat hubungan antara sebab-sebab ponteng kokurikulum yang dikenalpasti dengan keseriusan ponteng kokurikulum pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP.Labuan. Antara sebab -sebab ponteng kokurikulum yang terlibat adalah;
 - a. Faktor diri sendiri
 - b. Faktor Persekitaran
 - c. Faktor guru
 - d. Faktor Rakan sebaya
 - e. Faktor kurikulum kokurikulum

1.4. Soalan Kajian

1. Apakah tahap keseriusan ponteng kokurikulum berlaku dikalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian di WP.Labuan.
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara status sosio ekonomi seperti taraf ekonomi, pendidikan ibubapa dan saiz keluarga dengan tahap ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 sebuah sekolah harian di WP.Labuan.
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor dalaman dan faktor luaran ponteng kokurikulum yang dikenalpasti dengan tahap keseriusan ponteng kokurikulum dikalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian di WP.Labuan.

1.5. Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis kajian yang diuji dalam kajian ini.

Ho 1- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang pendidikan ibubapa dengan alaman ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan.

Ho 2- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang pendidikan ibubapa dengan faktor luaran ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan.

Ho 3- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan ibubapa dengan faktor dalaman ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan.

Ho 4- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan ibubapa dengan Faktor luaran ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan

Ho 5- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara saiz keluarga dengan faktor dalaman ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan.

Ho 6- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara saiz keluarga dengan faktor luaran ponteng kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah harian WP. Labuan.

1.6. Kepentingan kajian

Apabila melihat kepada kepentingan kokurikulum kepada pembentukan sahsiah, emosi, rohani, intelek, disiplin dan perkembangan jasmani setiap orang pelajar di wilayah ini,

adalah menjadi tanggungjawab dan kewajiban kepada semua pendidik dan pengurusan pendidikan memastikan kesan yang terbaik kepada setiap pelajar. Menjadikan kegiatan kokurikulum lebih efisien dan berimpak tinggi disamping sebagai satu saluran pembentukan sikap dan sahsiah kepada generasi akan muda. Disamping meyakinkan ibubapa dan masyarakat umum mengenai kepentingan kegiatan kokurikulum kepada pelajar sekolah. Membantu usaha sekolah untuk sama-sama berusaha menjadikan kegiatan kokurikulum disukai dan diminati oleh setiap pelajar.

Menjadi harapan pengkaji, melalui kajian ini menjadi sumber dan bahan rujukan mengatasi kelemahan yang menjadi punca ponteng pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Memperincikan setiap alasan yang menjadi punca dan penyebab kepada gejala ponteng kokurikulum dikalangan pelajar. Guru-guru penasihat, guru penolong kanan kokurikulum, Guru Besar, Pengetua, penyelia dan pegawai di pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri boleh mengatur perancangan dan melaksanakan program dan kegiatan kokurikulum dengan lebih sempurna. Guru penasihat perlu mengubah pendekatan dan kaedah untuk mendampingi setiap masalah pelajar. Apabila punca masalah telah dikenalpasti pihak-pihak yang terlibat ini perlu membuat penambahbaikan aktiviti perjumpaan supaya lebih menarik minat semua pelajar. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia pula boleh mengenalpasti program yang berimpak tinggi dan menepati aspirasi semasa seperti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi(KBAT) dan berfikir secara kreatif dan kreatif (KBKK).

1.7. Batasan Kajian.

Memandangkan Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah pulau kecil yang terdiri dari 9 buah sekolah menengah termasuk sebuah kolej Vokasional dan Sekolah Menengah sains. Bilangan sekolah yang terhad ini mempunyai pelajar sejumlah 14,650

orang di sekolah menengah. Dalam kajian ini hanya akan melibatkan sebuah sekolah menengah yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan. Sekolah yang paling besar dan mempunyai jumlah pelajar paling ramai berjumlah 1700 orang yang melibatkan dua sesi persekolahan. Tumpuan hanya melibatkan populasi pelajar tingkatan 4 yang terdiri dari sejumlah 250 orang. Persempalan terdiri dari 152 orang pelajar tingkatan 4 dari pelbagai aliran. Disebabkan keluasan pulau ini hanya melibatkan 35 kilometer persegi dan seluruh pulau ini telah dikategorikan sebagai sekolah bandar, maka kedudukan sekolah tidak melibatkan luar bandar dan pinggir bandar.

Kegiatan kokurikulum yang dikaji hanya melibatkan aktiviti didalam sekolah pada petang hari rabu setiap minggu sahaja setelah merujuk kepada rekod kehadiran sekolah yang direkodkan oleh guru penasihat pada setiap kali perjumpaan atau aktiviti kokurikulum. Melibatkan 3 sub unit utama kokurikulum iaitu semua kegiatan Pasukan Badan Beruniform, semua kegiatan Kelab dan Persatuan dan semua aktiviti dan perjumpaan Kelab Sukan dan Perminanan yang terdaftar di sekolah itu. Kegiatan yang dilakukan di luar kawasan sekolah dan aktiviti yang dianjurkan oleh agensi luar samada kerajaan dan bukan kerajaan tidak diambilkira. Pertandingan dan aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan dan agensi berkaitan pasukan Badan Beruniform juga tidak diambilkira.

1.10. Definisi operasional

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek maka sistem pendidikan di Malaysia perlu menekankan kepentingan memahami perkembangan di kalangan pelajar-pelajar dalam usaha meningkatkan potensi individu. Mengikut Mustafa Kamal Ali (2000). Kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah pada peringkat awal adalah bermatlamat untuk memupuk dan